



**PENGISYTIHARAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SESI 2023/2024**

**1.0 PEMBUBARAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2022/2023**

Pada hari ini, **KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023** bersama peruntukan yang diberikan di bawah Seksyen 57(2) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, maka dengan ini diisytiharkan bahawa Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Sesi 2022/2023 adalah **DIBUBARKAN**. Walaubagaimanapun, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 hendaklah **menjalankan fungsi sebagai caretaker** sehingga Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2023/2024 selesai.

**2.0 PENGISYTIHARAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (PMPP) SESI 2023/2024**

Melalui peruntukan yang diberikan di bawah Seksyen 57(2) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia, maka dengan ini diisytiharkan bahawa pemilihan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia bagi sesi 2023/2024 akan diadakan pada **SELASA, 19 DISEMBER 2023, PADA JAM 9.00 PAGI SEHINGGA 9.00 MALAM**.

**3.0 TARIKH, MASA DAN TEMPAT PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**

<b>HARI PENGISYTIHARAN</b>	Khamis, 30 November 2023
<b>TEMPOH PEMBELIAN BORANG PENAMAAN CALON</b>	Jumaat, 1 Disember 2023 – Rabu, 6 Disember 2023 Fizikal: 10.00 pagi – 4.00 petang Secara Atas talian: 24 Jam (sehingga jam 4.00 petang pada 6 Disember 2023)
<b>HARI PENAMAAN CALON</b>	Khamis, 7 Disember 2023 9.00 pagi – 3.30 petang Dewan Astana, Kolej Tuanku Canselor, UTM JB @ Dewan Banquet, Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM KL
<b>HARI BERKEMPEN</b>	Ahad, 10 Disember 2023 – Isnin, 18 Disember 2023 12.00 malam – 11.59 malam
<b>HARI PENGUNDIAN</b>	Selasa, 19 Disember 2023 9.00 pagi – 9.00 malam Sistem e-Lecture
<b>TEMPOH BANTAHAN</b>	12 Jam Selepas Pengumuman Calon

#### 4.0 JUMLAH KERUSI

Jumlah kerusi yang ditetapkan untuk dipertandingan ialah **36 kerusi** mengikut pecahan kawasan seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>KAWASAN UMUM</b>	<b>JUMLAH KERUSI</b>
1.	UTM Johor Bahru	7
2.	UTM Kuala Lumpur	2
<b>JUMLAH</b>		<b>9</b>

<b>BIL.</b>	<b>KAWASAN FAKULTI/ SEKOLAH</b>	<b>JUMLAH KERUSI</b>
<b>UTM JOHOR BAHRU</b>		
1.	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	2
2.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2
3.	Fakulti Kejuruteraan Awam	2
4.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	2
5.	Fakulti Komputeran	2
6.	Fakulti Alam Bina dan Ukur	2
7.	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	3
8.	Fakulti Sains	2
9.	Fakulti Pengurusan	2
10.	Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)	1
<b>UTM KUALA LUMPUR</b>		
11.	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)	1
12.	Fakulti Teknologi dan Informatik Razak	2
13.	Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun	2
14.	Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)	2
<b>JUMLAH</b>		<b>27</b>

## 5.0 KAEDAH PEMBELIAN BORANG PENCALONAN PEMILIHAN MPP SESI 2023/2024

- 5.1 Borang Pencalonan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2023/2024 boleh didapati melalui **Sistem e-Candidates**. Sistem ini boleh diakses melalui MyUTM (<https://my.utm.my/home>).
- 5.2 Setiap pembelian borang adalah berjumlah **RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh sahaja)**. Pembayaran borang boleh dibuat secara atas talian ke akaun **Hal Ehwal Pelajar (CIMB: 8006053855)**. Bukti pembayaran hendaklah dimuat naik ke dalam Sistem e-Candidates bersama-sama dengan dokumen sokongan yang lain.
- 5.3 Calon **hendaklah mencetak borang pencalonan daripada Sistem e-Candidates** serta dokumen sokongan lain setelah mendapat pengesahan semakan daripada pihak JPMPP.
- 5.4 Calon **perlu hadir bersama pencadang dan penyokong** dengan **membawa dokumen yang telah dicetak** untuk dihantar kepada Pengurus Kawasan masing-masing pada Hari Penamaan Calon di tempat yang telah ditetapkan.
- 5.5 Jika terdapat sebarang masalah pada sistem, sila emelkan kepada [jmpp-app@utm.my](mailto:jmpp-app@utm.my) beserta tangkapan layar (screenshot) sebagai bukti.
- 5.6 Borang pencalonan boleh didapati secara fizikal (jika masih berlaku masalah pada sistem) pada waktu yang telah ditetapkan di lokasi seperti berikut:
  - **UTM Johor Bahru:** Bilik Gerakan JPMPP, Bangunan Kesatuan Pelajar
  - **UTM Kuala Lumpur:** Bilik JKM B, Blok B, Kolej Siswa Jaya

## 6.0 PENAMAAN CALON BAGI KAMPUS JOHOR BAHRU DAN KUALA LUMPUR

- 6.1 Kaedah Penamaan Calon
  - 6.1.1 Penamaan Calon Kerusi Umum adalah melalui Pengurus Kawasan Kerusi Umum secara fizikal dengan menggunakan borang **U-PMPP 2023/2024**.
  - 6.1.2 Penamaan Calon Kerusi Fakulti melalui Pengurus Kawasan Kerusi Fakulti secara fizikal dengan menggunakan borang **F-PMPP 2023/2024**.
- 6.2 Calon hendaklah mematuhi segala syarat dan peraturan pendaftaran menjadi calon seperti yang dinyatakan dalam **Buku Panduan dan Kod Etika Pemilihan MPP UTM 2023/2024**.
- 6.3 Wang cagaran yang ditetapkan oleh pihak JPMPP bagi tujuan Pemilihan MPP ialah **RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus)** sahaja untuk calon **Kawasan Umum** dan **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh)** sahaja untuk calon **Kawasan Fakulti/Sekolah**. Wang ini perlu dibayar semasa Hari Penamaan Calon kepada pihak JPMPP.
- 6.4 Semua calon yang layak bertanding wajib menghadiri Taklimat dan Bengkel Calon pada 8 dan 9 Disember 2023.

## 7.0 TEMPAT PEMBUANGAN UNDI

- 7.1 Tempat pembuangan undi secara fizikal bagi sesuatu Fakulti sama ada untuk kerusi Umum dan Fakulti adalah di tempat yang ditetapkan oleh Fakulti/Sekolah masing-masing bagi Kampus UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.
- 7.2 Tempat pembuangan undi secara atas talian adalah seperti yang ditetapkan oleh JPMPP iaitu di alamat **[www.election.utm.my](http://www.election.utm.my)**.

Pengisytiharan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar ini hendaklah dibaca bersekali dengan **Buku Panduan & Kod Etika Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTM 2023/2024** yang boleh didapati di media sosial JPMPP. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Yusmiera (013-9398566)** atau **Safura (019-7526604)**.

Sekian, terima kasih.

**ZUHAYR ARIF BIN ZAKARIA**


Pengerusi

Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar

Universiti Teknologi Malaysia.


30 NOVEMBER 2023

## KAEDAH SEMAKAN PENGUNDI



\*Kelayakan mengundi pelajar adalah berdasarkan status pelajar sehingga 26 November 2023.

## KAEDAH PELAKSANAAN HARI PENAMAAN CALON



## KAEDAH PEMBUANGAN UNDI

Langkah	Perkara
Langkah 1	Log masuk pada pautan <a href="http://election.utm.my">election.utm.my</a> menggunakan <b>UTM ID</b> dan tekan butang <b>proceed</b> dan boleh <b>request security number</b> .
Langkah 2	<b>Security number</b> akan <b>pop-out</b> pada paparan utama laman sesawang. Pengundi diminta untuk mengisi <b>UTM ID</b> dan <b>security number</b> yang dipaparkan sebelum melaksanakan pengundian.
Langkah 3	Pastikan maklumat anda pada paparan skrin adalah betul dan klik butang <b>Cast Vote</b> .
Langkah 4	Baca dan fahami peraturan mengundi sebelum bersetuju dengan peraturan tersebut.
Langkah 5	Klik <b>proceed to vote</b> .
Langkah 6	Peringatan masa mengundi selama 10 minit akan dipaparkan.
Langkah 7	Pengundi perlu klik butang <b>Proceed</b> untuk memulakan proses pengundian.
Langkah 8	Pengundian bagi kerusi umum bermula.
Langkah 9	Pastikan pengundi melihat semua calon yang bertanding bagi kerusi umum dan memilih 7 calon untuk diundi bagi UTM Johor Bahru dan 2 calon bagi UTM Kuala Lumpur.
Langkah 10	Pengundi perlu membuat pengesahan undian bagi calon umum yang telah dipilih dengan menekan butang <b>Yes</b> .
Langkah 11	Sekiranya pengundi tidak yakin dengan pilihan yang telah dibuat, pengundi perlu menekan butang <b>No</b> dan kembali pada langkah ke-9.
Langkah 12	Pengundian bagi kerusi umum tamat dan pengundian bagi kerusi fakulti/sekolah bermula.
Langkah 13	Pastikan pengundi melihat semua calon yang bertanding bagi kerusi fakulti/sekolah dan memilih calon untuk diundi berdasarkan jumlah kerusi yang dipertandingkan.

<b>Langkah 14</b>	Pengundi perlu membuat pengesahan undian bagi calon fakulti/sekolah yang telah dipilih dengan menekan butang <b>Yes</b> .
<b>Langkah 15</b>	Sekiranya pengundi tidak yakin dengan pilihan yang telah dibuat, pengundi perlu menekan butang <b>No</b> dan kembali pada langkah ke-13.
<b>Langkah 16</b>	Sekiranya calon menang tanpa bertanding, pengundi hanya boleh melihat calon yang telah menang tanpa perlu membuat pengundian.
<b>Langkah 17</b>	Pengundi perlu klik butang <b>Skip</b> setelah melihat nama calon yang telah menang tanpa bertanding.
<b>Langkah 18</b>	Pengundian bagi kerusi fakulti/sekolah tamat.
<b>Langkah 19</b>	Ringkasan pengundian akan dipaparkan pada skrin.
<b>Langkah 20</b>	Pengundi perlu klik butang <b>submit</b> .
<b>Langkah 21</b>	Pengundi akan dimaklumkan bahawa pengundian berjaya dihantar dan e-mel pengesahan akan dihantar pada e-mel rasmi mereka.
<b>Langkah 22</b>	Proses pengundian tamat.
<b>Langkah 23</b>	Pengundi akan dibawa pada Borang Cadangan dan Aduan yang perlu diisi melalui Google Form.
<b>Langkah 24</b>	Pengundi perlu menekan butang <b>Submit</b> dan segala proses telah tamat.

**Pemberitahuan: Sekiranya terkeluar dari pautan, pengundi boleh *log in* semula tetapi pengundi hanya akan disambungkan kepada paparan terakhir pengundi berada.**